

Pilihan yang terbuka kepada rakyat

"MANDAT: HURAIAN DR. M," kata kepala besar muka hadapan Berita Harian Mac 31, 1982. Berita berikutan berkata, Datuk Seri, Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa pilihanraya diadakan pada bulan April ini kerana kerajaan beliau menghendaki mandat dari rakyat supaya dapat meneruskan cara-cara baru di dalam pelaksanaan dasar-dasarnya.

"Kami perlukan mandat daripada rakyat — perlukan kepastian bahawa rakyat menyokong apa yang kami telah buat.

"Selepas mendapat mandat itu, bolehlah kami menumpukan minat kepada usaha-usaha susulan kepada apa yang telah kami mulakan setakat ini," tambah Perdana Menteri.

Bellau berkata demikian di dalam suatu wawancara dengan wartawan-wartawan di dalam rancangan Hal Ehwal Semasa di televisyen.

Komen Penulis:

"Mandat" (berasal dari perkataan Inggeris "mandate") mengikut Kamus Dewan adalah di antara lain bererti "amanah yang diberikan oleh orang ramai atau satu-satu kumpulan kepada wakil mereka (dalam mesyuarat dan lain-lain) untuk mengemukakan pendapat, memajukan permintaan dan lain-lain."

Mandat yang berada di tangan Dr. M di hari ini adalah apa yang diwarisinya dari Datuk Hussein Onn (Tun, di hari ini) bila Datuk Hussein meletak jawatan sebagai Ketua parti yang memerintah merangkap Perdana Menteri.

Dalam bahasa lain, mandat berkenaan diperolehi oleh Dr. M secara "tidak langsung", iaitu melalui Datuk Hussein Onn. Dengan mengadakan pilihanraya di hari ini, maka beliau akan menerima mandat terus dari rakyat merangkap pengundi dan mandat seperti ini adalah perlu untuk mendapatkan "kepastian rakyat menyokong apa yang kami buat."

Dalam bahasa yang mudah difahami ramai, setelah memperolehi mandat terus dari rakyat berikutan pilihanraya yang akan datang ini (lebih-lebih baik lagi, jika bilangan kerusi yang dimenangi oleh gabungan parti yang dipimpin oleh Dr. M lebih besar dari jumlah sekarang) maka Dr. M akan dapat memastikan bahawa tindakan-tindakan yang telah dilaksanakannya (dan keputusan-keputusan yang diambilnya) semenjak beliau memegang teraju Kerajaan — seperti, umpamanya, arahan kepada kakitangan Kerajaan dan orang-orang politik supaya berkhidmat kepada rakyat dengan cekap, bersih dan amanah dan supaya datang ke pejabat mengikut waktu yang ditetapkan oleh peraturan perkhidmatan; gesaan beliau kepada orang Melayu supaya rajin bekerja jika mereka mahu maju, dan "style", Kerajaan yang dipimpinnya, iaitu secara mengguna bahasa Encik Anwar Ibrahim dengan "lebih terbuka kepada rakyat"

— diberi sokongan oleh rakyat; ataupun sebaliknya iaitu rakyat merangkap pengundi mahukan Kerajaan lembab, kotor dan curang, kakitangan kerajaan yang cinais, masyarakat Melayu yang malas, dan Pentadbiran yang "menutup" mulut rakyat dan kelemahan-kelemahannya....

Kesimpulan: Kuasa adalah terletak di tangan rakyat merangkap pengundi untuk membuat keputusan di Pilihanraya Umum yang akan datang ini, sama ada mereka mahukan sebuah Kerajaan (di bawah pimpinan Dr. M) yang cekap, bersih dan amanah, ataupun sebaliknya....

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia